

03 JUN 1999

Mahathir-Globalisasi

MAHATHIR RAGU MENGENAI GLOBALISASI

Oleh: Khairdzir Yunus

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau kini meragui mengenai globalisasi kerana ia mungkin tidak memberi faedah kepada golongan miskin sepertimana yang difikirkan sebelum ini.

"Semasa idea mengenai globalisasi dibangkitkan, kita menerimanya kerana ia bermaksud kekayaan golongan kaya akan juga mengalir kepada golongan miskin.

"Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini kita mula meraguinya, dan ini kerana walaupun kekayaan daripada golongan kaya boleh mengalir kepada golongan miskin, kekayaan yang sama boleh juga mengalir keluar dan mengalir keluar secara tiba-tiba dengan memberi kesan yang serius kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan pada satu dialog selepas menyampaikan ucapan utama mengenai "Asia dan Abad Dunia" pada persidangan antarabangsa mengenai "Masa Depan Asia" anjuran Nihon Keizai Shimbun (Nikkei) di sini.

Beliau berkata: "Kita melihat bagaimana modal jangka pendek mengalir keluar dari negara kita dan memusnahkan sebahagian besar pasaran modal kita."

Beliau berkata oleh kerana orang ramai boleh merentasi sempadan, secara literal atau sebaliknya, mereka boleh menghancurkan nilai matawang negara-negara miskin dan juga kekayaan mereka.

"Bagaimanapun, kita tidak berupaya untuk melakukan perkara yang sama kepada mereka yang berbuat demikian terhadap kita," katanya.

Beliau berkata globalisasi yang ditafsirkan oleh golongan kaya akan hanya menguntungkan mereka dan bukan golongan miskin, walaupun ada sesetengah beranggapan sebaliknya.

"Oleh itu, kita perlu memikirkan semula mengenai globalisasi...kenapa ia didefinisikan sebagai pergerakan modal dan pelaburan? Bagaimana dengan pergerakan manusia?"

"Sekiranya dunia ini tanpa sempadan, sekiranya dunia akan menjadi satu entiti, manusia juga sepatutnya boleh bergerak bebas merentasi sempadan," katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat lebih manusia di Asia Timur -- 1.2 bilion di China, satu bilion lagi di India dan beratus juta di tempat lain.

Beliau berkata mereka tidak mempunyai pekerjaan, menghadapi kebuluran dan perlu mencari tempat bagi mereka mendapatkan pekerjaan dan mereka sanggup untuk bekerja.

"Kenapa tidak benarkan beberapa ratus ribu daripada mereka untuk bergerak merentasi sempadan ke negara-negara kaya dan berkongsi kekayaan di negara-negara kaya itu? Bagaimanapun, ia sudah tentu tidak dianggap sebagai globalisasi," katanya.

"Saya mengakui bahawa pandangan saya masa kini mengenai globalisasi mungkin tidak sama dengan idea yang dikemukakan di peringkat awal," katanya.

Ketika menjawab soalan lain, beliau berkata adalah agak malang bahawa forum Perundingan Ekonomi Asia Timur yang dicadangkan Malaysia ditolak.

"Kita harus menyedari, kita di Asia Timur tidak dibenarkan berbuat sesuatu yang kita suka," katanya.

Mengenai perhubungan di antara Amerika Syarikat, China dan Jepun, Dr Mahathir berkata beliau mengalu-alukannya jika ketiga-tiga buah negara itu

dapat bekerjasama demi kepentingan masa hadapan.

Beliau berkata sekiranya di masa lampau ketiga-tiga negara itu telah berperang sesama sendiri, adalah lebih wajar bagi mereka untuk melupakan "sedikit daripada sejarah mereka" dan mencapai satu kerjasama yang akan memberi manfaat kepada manusia sejagat.

-- BERNAMA

KHY AKD